



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

KERJASAMA SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI ANTARA MALAYSIA DAN REPUBLIK RAKYAT CHINA DIPERKUKUH

PUTRAJAYA, 6 April 2023 – YB Chang Lih Kang, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, telah mengadakan Lawatan Rasmi ke Republik Rakyat China (RRC) pada 29 Mac hingga 2 April 2023, sebagai sebahagian daripada delegasi YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri. Lawatan rasmi tersebut adalah meraikan Ulang Tahun ke-10 Perkongsian Strategik Komprehensif antara Malaysia dan RRC.

Semasa lawatan tersebut, YAB Perdana Menteri bertemu Tuan Yang Terutama Xi Jinping, Presiden RRC; Tuan Yang Terutama Li Qiang, Perdana Menteri PRC dan Tuan Yang Terutama Zhao Leji, Pengerusi Kongres Rakyat Kebangsaan. Dalam pertemuan itu, Malaysia dan RRC bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi, khususnya dalam pembangunan vaksin, serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) teknologi tinggi dan pendigitalan ekonomi.

Untuk rekod, RRC kekal sebagai rakan dagangan terbesar Malaysia selama 14 tahun berturut-turut, dengan jumlah perdagangan bernilai RM487.13 bilion (AS\$110.6 bilion) direkodkan pada 2022, meningkat 15.6% daripada 2021.

Dalam rangka lawatan kali ini, beberapa Memorandum Persefahaman (MoU) antara dua negara dan 19 MoU kerjasama perniagaan dalam pelbagai bidang, terutamanya teknologi hijau dan ekonomi digital telah dimeterai. Antaranya ialah perjanjian DRB-Hicom Bhd bersama Zhejiang Geely Holding Group Co. Ltd berkaitan pembangunan dan pengkomersilan Lembah Teknologi Tinggi Automotif (AHTV) di Tanjong Malim, Perak. AHTV akan merangkumi rantai nilai automotif dan mobiliti yang meluas, daripada pusat R&D global berteknologi tinggi kepada kluster pembuatan dan perkhidmatan sokongan serta ekosistem yang berkaitan untuk industri kenderaan tenaga baharu di Malaysia.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) memainkan peranan bagi mengawal selia pembangunan, pengesahan dan pengkomersilan teknologi mobiliti hijau tempatan dalam menyokong peralihan negara ke arah ekonomi rendah karbon sejajar dengan Pelan Tindakan Mobiliti Rendah Karbon 2021-2030. NanoMalaysia Berhad, sebuah agensi di bawah MOSTI kini sedang meningkatkan ekosistem mobiliti elektrik domestik, melalui beberapa inisiatif seperti NESTI (National Energy Storage Technology Initiative), EMERGE (Enabling Mobility Electrification for Green Economy), REVIVE (Rapid Electric Vehicles Innovation Validation Ecosystem), HyPER (Hydrogen-Paired Electric Racecar) and BICEP (Biomass Innovation Circular Economic Programme). Inisiatif-inisiatif ini diharap mampu menjadikan Malaysia sebagai pelopor pembangunan dan pengkomersilan sistem penyimpanan tenaga. Sistem ini penting bagi kegunaan mobiliti elektrik, lebihan grid dan tenaga boleh diperbaharui serta bekalan kuasa tanpa gangguan untuk kegunaan bangunan komersial dan domestik.

YB Chang Lih Kang dan rakan sejawatnya di RRC turut berkongsi tentang kepentingan pertukaran teknologi dan peningkatan kemahiran sektor digital baharu muncul seperti kecerdasan buatan (AI) dan *blockchain* untuk memacu pertumbuhan ekonomi baharu. Hal ini disokong dengan beberapa pelan hala tuju yang dilancarkan oleh MOSTI seperti Pelan Hala Tuju Robotik Kebangsaan, Pelan Hala Tuju Kecerdasan Buatan Kebangsaan, Pelan Hala Tuju Blockchain Nasional, Pelan Hala Tuju Dasar dan Strategi Nanoteknologi Negara, Pelan Hala Tuju Teknologi Bahan Termaju Nasional dan Pelan Hala Tuju Elektrik dan Elektronik (E&E).

Selaras dengan Dasar Angkasa Negara 2030, Malaysia mengiktiraf sepenuhnya sains angkasa dan teknologi geospasial yang berperanan penting dalam memacu pertumbuhan serta menyumbang kepada kedaulatan dan daya saing negara. Malaysia dan RRC telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Angkasa Lepas dan Penggunaan Aman Angkasa Lepas pada 2003, diikuti dengan pembaharuan MoU antara Agensi Angkasa Malaysia (MYSA) dan Pentadbiran Angkasa Negara China (CNSA) pada tahun 2021. Perjanjian ini melibatkan pertukaran saintifik dan teknologi serta kerjasama dalam bidang sains, teknologi dan aplikasi dalam penerokaan dan penggunaan angkasa lepas untuk tujuan-tujuan aman.

Malaysia dan RRC juga komited untuk memperkukuhkan ekosistem pengkomersilan dengan menyediakan akses pasaran bagi syarikat-syarikat pemula yang berpotensi di kedua-dua negara. Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation (MRANTI) baru-baru ini telah menandatangani MoU dengan TusStar Malaysia, sebagai satu usaha sama antara Tus Holding (berasal dari Tsinghua Pioneer Park) dan Brunfield International Group yang merupakan sebahagian daripada rangkaian inkubator teknologi terbesar RRC.

Kerjasama ini bakal menyediakan *soft landing* dan infrastruktur yang diperlukan 75 syarikat RRC yang diperuntukkan oleh TusStar untuk mengembangkan perniagaan

mereka di Malaysia. Impak daripada ini bakal memberi keuntungan kepada Malaysia dalam meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan dan dalam masa yang sama dapat merencanakan pemindahan teknologi. Syarikat-syarikat berkenaan turut berpeluang mendapat manfaat daripada *National Technology Innovation Sandbox* (NTIS) dan Pelan Hala Tuju Ekosistem Permulaan Malaysia (SUPER) 2021-2030 yang ditawarkan oleh MOSTI sekali gus menjadikan Malaysia sebagai pangkalan syarikat-syarikat *unicorn*.

Dalam bidang sains dan teknologi, Malaysia dan RRC telah menandatangani Perjanjian Kerjasama Sains, Teknologi dan Inovasi pada 4 Oktober 2013; dan Perjanjian Kerjasama dalam Pembangunan dan Kebolehcapaian Vaksin pada 18 November 2020. Malaysia akan terus memperkukuh kerjasama dan pelaburan dua hala dengan RRC dalam bidang-bidang strategik utama termasuklah teknologi digital baharu, teknologi aeroangkasa, teknologi hijau dan pembangunan vaksin.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

6 APRIL 2023